

23/07/1998

Selangor lantik exco MTEN

SHAH ALAM, Rabu - Selangor menubuhkan ahli majlis mesyuarat (exco) Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (MTEN) berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menangani masalah kegawatan ekonomi di negeri itu dan negara keseluruhannya.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, berkata penubuhan exco MTEN itu ekoran mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri baru-baru ini iaitu Perdana Menteri mengeluarkan arahan kepada kerajaan negeri untuk mencari jalan bagi memastikan ekonomi negara dipulihkan secepat mungkin.

Beliau berkata, arahan itu turut meminta kerajaan negeri mewujudkan jentera yang boleh memproses permohonan dengan segera bagi mengatasi sebarang penangguhan dalam sektor tertentu.

Menurutnya, antara sektor yang dikenal pasti boleh membawa negeri atau negara ke arah pemulihan ekonomi ialah pembinaan, hartanah yang membabitkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah dan pertanian, Industri Kecil dan Sederhana, pelancongan dan pembuatan yang membabitkan barangan buatan Malaysia sebagai langkah menyokong penggunaan barangan tempatan.

"Sebelum ini, MTEN ditubuhkan dan bermesyuarat untuk memastikan tindakan segera diambil bagi memproses permohonan sektor yang disebut tadi.

"Berikutan itu, Exco Kerajaan Negeri yang bermesyuarat sebentar tadi bersetuju memberikan kuasa itu kepada satu badan exco yang diwujudkan di bawah MTEN," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Abu Hassan berkata, ahli exco MTEN itu dianggotai beliau sebagai Pengerusi; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Hashim Meon; Pegawai Kewangan, Datuk Abdul Aziz Yusof dan dua ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri yang dilantik iaitu Datuk Zainal Dahalan dan Tang See Hang.

Menurut beliau, exco MTEN yang akan bermesyuarat setiap Rabu sebelum mesyuarat Exco Kerajaan Negeri bagi membincangkan setiap permohonan.

Bagaimanapun, katanya, penubuhan exco MTEN itu tidak menjejaskan kuasa Exco Kerajaan Negeri kerana apa yang dibincangkan akan dibentangkan dalam mesyuarat Exco untuk mendapat pengesahan serta kelulusan serta-merta .

"Sektor swasta juga boleh merujuk kepada saya atau exco ini jika ada perkara yang boleh membantu mengatasi kegawatan ekonomi," katanya.

Abu Hassan berkata, kerajaan negeri juga bersetuju menubuhkan satu unit khas di bawah Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) bagi mengurangkan beban Upen yang mempunyai banyak tugas sehingga menyebabkan beberapa permohonan penswastaan tidak dapat diproses segera.

Berikutan itu, katanya, unit khas yang ditubuhkan di bawah Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai empat pegawai kanan bertujuan mempercepatkan proses permohonan penswastaan yang diterima dari pihak berkenaan.

(END)